

Lelaki mengaku salah simpan wang curi didenda RM3,000

(UTUSAN BORNEO: KHAMIS 26 MAC 2026)

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM3,000 atau penjara tiga bulan terhadap seorang lelaki atas tiga pertuduhan menyimpan wang curi secara tidak jujur berjumlah RM2,560 tahun lalu.

Majistret Ling Hui Chuan menetapkan hukuman itu ke atas Sufi Dzikri Sarol, 27, selepas mengaku bersalah bagi ketiga-tiga pertuduhan didakwa di bawah Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang

memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun, denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagi setiap pertuduhan, dia didenda RM1,000 atau sebulan penjara jika gagal membayar denda.

Sufi, yang berasal dari Johor, melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Jalan Bukit Bayor pada 2 Februari 2025 jam 10.56 pagi, 1.12 tengah hari dan 1.29 petang.

Menurut fakta kes, seorang wanita berusia 29 tahun men-

jumpai tawaran pinjaman dalam talian, kemudiannya berurusan dengan seorang individu yang memperkenalkan dirinya 'Encik Tan'.

'Encik Tan' mendakwa mewakili sebuah syarikat pinjaman wang yang berpangkalan di Ipoh, Perak.

Berminat mendapatkan pinjaman berjumlah RM65,000, wanita terbabit diarah membuat beberapa bayaran kononnya sebagai yuran pemprosesan.

Memandangkan tawaran itu sah, pengadu telah mem-

buat tiga transaksi berjumlah RM2,560 ke dalam akaun bank yang didaftarkan atas nama Sufi.

Bagaimanapun, disebabkan pinjaman yang dijanjikan tidak pernah dikeluarkan, pengadu telah membuat laporan polis.

Sufi kemudiannya berjaya diberkas pada 2 Mac 2026.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani selaku pihak pendakwaan, manakala Sufi tidak diwakili peguam.